

Isnin, 5 Ogos 2019 | 5:14pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.
- NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali

KPDNHEP kumpul input, cadangan belia tangani isu kos sara hidup

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bh.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengadakan dialog dengan wakil gabungan belia seluruh negara bagi mendapatkan input dan idea dalam menangani isu kos sara hidup dalam kalangan golongan muda.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sesi berkenaan membolehkan kementeriannya menjelaskan dasar dan inisiatif sedang dilaksanakan berkaitan usaha menangani kos sara hidup rakyat, selain mendapat input serta cadangan daripada golongan berkenaan.

Katanya, beliau sendiri mendengar pelbagai idea serta persoalan dilontarkan golongan belia menerusi sesi dialog bersama hampir 300 belia peserta 41 gabungan belia seluruh negara yang bernaung di bawah Majlis Belia Malaysia (MBM) di kementeriannya, hari ini.

"Saya sangat teruja dan terkesan dengan pandangan serta persoalan disampaikan wakil, malah saya mencadangkan kepada MBM supaya inisiatif sama dilaksanakan di peringkat negeri.

"Melalui cara ini, isu kepenggunaan dan kos sara hidup dapat diperluaskan, terutama membabitkan belia," katanya kepada media selepas sesi dialog berkenaan.

Saifuddin berkata, sebagai komitmen kerajaan membawa suara belia untuk bersama menangani isu kos sara hidup, KPDNHEP menyenaraikan Presiden MBM, Jufitri Joha, menganggotai Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"Sebagai Sekretariat majlis itu, kini kita juga dalam proses menyenaraikan wakil Majlis Belia FELDA. Ini bukti kesungguhan kementerian yang melihat potensi dan sumbangan wakil belia di peringkat jawatan kuasa tertinggi diwujudkan kerajaan," katanya.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, antara isu dibangkitkan belia dalam sesi dialog berkenaan ialah berkaitan pemilikan rumah yang mana mereka mahu kerajaan memainkan peranan dalam mengawal selia harga rumah supaya ia tidak hanya ditentukan oleh faktor lain.

"Mereka juga merasakan sistem data dalam program Food Bank (Bank Makanan) di 11 universiti yang dilaksanakan KPDNHEP ketika ini lebih fleksibel, iaitu turut memasukkan golongan M40 daripada keluarga besar, supaya kelompok ini tidak tertinggal.

"Selain itu, ada cadangan supaya subsidi kerajaan bukan sahaja diterima oleh pengguna, malah bermula di peringkat sumber bagi memastikan harga akhir barang pengguna tidak membebankan rakyat. Saya berjanji akan meneliti cadangan itu," katanya.